



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA (B.2 / B.2 EB.3)
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)

B.2 (2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)

KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- Perancang Bandar dan Desa
- *Sustainable Urban Development*
- *Urban and Environmental Planning*
- *Urban and Regional Planning*
- *Urban and Rural Planning*
- *Urban Design*
- *Urban Development*
- *Urban Planning*
- *Urban Planning and Development*
- *Urban Studies and Planning*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

- i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan:



- Perancang Bandar dan Desa
- *Sustainable Urban Development*
- *Urban and Environmental Planning*
- *Urban and Regional Planning*
- *Urban and Rural Planning*
- *Urban Design*
- *Urban Development*
- *Urban Planning*
- *Urban Planning and Development*
- *Urban Studies and Planning*

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Tingkat I atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berkemahiran dalam menggunakan *Geographic Information System*, *AutoCAD* dan penggunaan Teknologi Maklumat seperti *Microsoft Office* dan *Adobe Illustrator* adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyediakan pelan-pelan perancangan strategik dan tempatan, skim-skim perancangan perumahan, susunatur (*layout*) perancangan dan lain-lain yang berhubungkait serta membuat kajian-kajian dan laporan-laporan perancangan dan mengemukakan cadangan kaedah-kaedah dan dasar-dasar perancangan untuk pertimbangan;
2. Menyelaras perancangan dan pemberian tapak-tapak projek Kerajaan dan Swasta serta menyediakan khidmat nasihat kepada pihak-pihak Kerajaan dan orang ramai dalam hal-hal perancangan fizikal;
3. Mentadbir dan mengurus perlaksanaan Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2015; dan
4. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.